

08 APR 2001

Mahathir-Langkawi

PELIHARA ALAM SEKITAR LANGKAWI SELARAS DENGAN STATUSNYA, KATA PM

LANGKAWI, 8 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuashati dengan pembangunan di Langkawi tetapi meminta supaya tumpuan lebih diberi kepada usaha pemuliharaan alam sekitar pulau perangan ini.

"Lama saya tak datang ke Langkawi, beberapa projek yang sedang dilaksanakan berjalan dengan baik seperti perkhidmatan kereta kabel tetapi environmentnya (alam sekitarnya) perlu dipelihara," katanya kepada pemberita selepas meninjau pembangunan projek di sini.

Ini merupakan lawatan pertama Perdana Menteri ke Langkawi tahun ini dengan kali terakhir berbuat demikian pada akhir November tahun lepas.

Dr Mahathir menyarankan supaya lebih banyak pokok ditanam di tepi jalan memandangkan tidak semua pokok jati, yang ditanam sebelum ini, tumbuh.

Beliau mencadangkan supaya pokok lain yang sejenis dengan jati ditanam kerana ia boleh tumbuh cepat dan dapat digunakan untuk membuat perabot selain mempunyai nilai komersil.

Selain itu, Perdana Menteri meminta mereka yang terbabit dalam kerja-kerja pembangunan supaya tidak mengambil terlalu banyak tanah dan batu dari Langkawi sebaliknya membeli bahan itu dari tempat lain.

"Kalau terus cangkul tanah, habis ratalah tanah, jadi Langkawi sudah tidak menarik lagi," kata beliau.

Dr Mahathir juga meminta pihak berkenaan mewujudkan lebih banyak landskap untuk mengindahkan lagi Langkawi selain membaiki dan memperluaskan jalan yang ada selaras dengan status barunya sebagai Bandaraya Pelancongan baru-baru ini.

Sultan Kedah mengisytiharkan status baru pulau ini pada 24 Mac lepas.

Sebelum itu, Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira empat jam meninjau projek-projek pembangunan di Langkawi.

Perdana Menteri, yang tiba di sini malam tadi, memulakan lawatannya dengan mengunjungi Taman Perlindungan Ular seluas dua hektar di Ulu Melaka, yang menempatkan lebih 200 ekor ular spesies tempatan.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, kemudian meninjau projek pemulihan Pantai Kok dan pembinaan dua pulau buatan manusia sebagai penahan ombak di pantai itu yang menelan belanja RM29.6 juta di Teluk Burau.

Beliau kemudian melakukan upacara ringkas pecah tanah projek perkhidmatan kereta kabel menghubungkan puncak Gunung Machincang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau.

Projek itu, yang dilaksanakan secara usahasama antara Dopple-Mayer, syarikat pembuat kereta kabel terkemuka dunia dari Austria, dan syarikat tempatan menelan belanja RM46 juta dan dijangka siap dalam tempoh 60 minggu.

Dr Mahathir kemudian melawat projek pengindahan Kuala Sungai Melaka yang menelan belanja RM28.9 juta dan pusat membaikpulih kapal layar di Tanjung Lembang.

Perdana Menteri dijadual pulang ke ibu negara malam ini.

-- BERNAMA

NH NAK